

16 AUG 1997

Mustapa-Mara

MARA DALAM PERINGKAT AKHIR AMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG

PULAU PINANG, 16 Ogos (Bernama) -- Mara kini dalam peringkat terakhir untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap 230 bekas pelajarnya yang gagal membayar balik pinjaman pelajaran, kata Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed hari ini.

Kesemua fail bekas pelajar terbabit telah berada di Bahagian Undang-undang Mara untuk proses berkeñaan, katanya.

"Daripada 800 nama yang disiarkan dalam akhbar, 60 peratus memberi persetujuan akan membayar balik pinjaman, manakala 40 peratus lagi meminta penjadualan semula jumlah bayaran bulanan dan ada yang memerlukan siasatan lanjut kerana memohon supaya dikecualikan pembayaran balik," katanya.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas melancarkan "Deklarasi Budaya Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di MRSM Balik Pulau di sini, beliau berkata, kebanyakan peminjam terbabit mampu membayar balik jumlah pinjaman masing-masing tetapi enggan berbuat demikian.

Bagaimanapun, sebahagian daripada mereka mungkin merasakan jumlah yang perlu dibayar itu adalah tinggi kerana kebanyakannya membabitkan pengajian luar negara dengan jumlah pinjaman yang tinggi, katanya.

"Ada yang berpendapat mereka berhak mendapat kemudahan pinjaman berkeñaan dan itu adalah antara sebab mengapa mereka tidak mahu membayar balik pinjaman," kata beliau lagi.

Beliau juga berkata, Mara akan berunding tentang jumlah bayaran bulanan dengan peminjam terbabit dan mahu mereka lebih bertanggungjawab membayar balik pinjaman masing-masing.

Peminjam terbabit tahu mereka perlu membayar balik pinjaman masing-masing tetapi enggan berbuat demikian dan oleh itu Mara akan menggunakan cara lain termasuk memujuk mereka, berbincang dengan penjamin dan rakan-rakan mereka bagi menyedarkan mereka terhadap kewajipan itu, katanya.

Beliau berkata, Mara juga belum mengambil sebarang tindakan terhadap penjamin pinjaman itu kerana kegagalan peminjam membayar balik pinjaman berkeñaan.

Mengenai Deklarasi Budaya MRSM, Mustapa berkata, deklarasi itu bertujuan mencapai satu budaya MRSM yang unik, unggul dan cemerlang dengan pembinaan pelajar yang bertaqwa, berbudi, berpengetahuan, berkemahiran, dengan ketahanan diri dan berbudaya.

MRSM yang berjaya mendidik lebih 35,000 pelajar sejak penubuhannya pada 1971, telah melahirkan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik cemerlang dan berjaya melahirkan ramai pekerja dalam bidang profesional.

"Pelajar MRSM perlu mempunyai identiti dan mempunyai keterampilan diri supaya mereka dapat menonjolkan diri secara lebih berkesan di kalangan masyarakat," kata beliau.

Bagi mencapai matlamat itu, pelbagai program termasuk dakwah, keusahawanan dan kepimpinan diterapkan dalam diri pelajar MRSM sebagai persediaan mereka sebelum melangkah ke alam pekerjaan, katanya.

Sementara itu, presiden Gabungan Persatuan Lulusan Pelajar MRSM, Mukhriz Mahathir berkata, persatuan itu akan mengadakan konvensyen sehari pada 1 Nov ini di Kuala Lumpur untuk menampilkan kejayaan bekas-bekas pelajar MRSM dalam pelbagai bidang profesional dan sektor korporat serta mengketengahkan golongan Melayu kelas menengah.

Konvensyen itu akan dapat dijadikan contoh dan dorongan kepada pelajar MRSM di samping menonjolkan kejayaan bekas-bekas pelajar MRSM kepada

masyarakat, katanya. -- BERNAMA
SA PR